

THE ASIA UNIVERSITY RANKINGS 2021: UNIMAS Kekal di Kedudukan 401+



Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kekal berada di kedudukan 401+ dalam penarafan terbaru THE Asia University Rankings 2021. Keputusan ini diumumkan oleh pihak Times Higher Education (THE) yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 2 Jun 2021.

Edisi penarafan tahun 2021 ini melibatkan sebanyak 551 buah universiti dari seluruh Asia. THE Asia University Rankings 2021 menggunakan 13 petunjuk prestasi yang sama seperti THE World University Rankings, tetapi ia dikalibrasi semula untuk mencerminkan sifat-sifat universiti di Asia.

Universiti dinilai dalam semua misi utamanya iaitu teaching, research, knowledge transfer dan international outlook. Kesemuanya untuk memberikan perbandingan yang paling komprehensif dan seimbang. Data yang digunakan untuk THE Asia University Rankings 2021 adalah data universiti pada tahun 2019.

Dalam analisa kedudukan yang dikeluarkan, UNIMAS berada di tangga kelapan dalam kalangan

Universiti Awam di Malaysia selepas UM, UPM, UKM, UTM, UUM, USM dan UMP dengan markah keseluruhan dicapai 12.9-21.6. Metodologi pemarkahan yang digunakan adalah Teaching (25%); Research (30%); Citations (30%); International Outlook (7.5%) dan Industry Income (7.5%).

Secara keseluruhannya, UNIMAS masih mampu kekal di kedudukan 401+ hasil sumbangan peningkatan dalam pemarkahan bagi tiga kategori iaitu International Outlook (meningkat 11%); Research (meningkat 5%) dan Teaching (meningkat 20%). Penurunan markah telah dicatatkan oleh dua kategori berikut yang perlu diambil perhatian serius iaitu Citation (turun 8.8%) dan Industry Income (turun 2.6%).

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kedudukan UNIMAS pada tahun mendatang, SQRC sedang giat merangka pelbagai strategi baru untuk dilaksanakan selain penambahbaikan dalam pelaksanaan strategi sedia ada dengan kerjasama semua pihak terlibat.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



UNIMAS tercalon ke pentas akhir THE Awards Asia 2021

Kota Samarahan : Buat kali Dalam satu kenyataan, ketiga berturut-turut sejak pihak THE menyebut para 2019, UNIMAS sekali lagi berjaya tercalon ke pentas akhir THE Awards Asia 2021.

Dalam pengumuman yang dibuat secara langsung atas talian dari London, UK pada 2 Jun 2021, UNIMAS merupakan satu-satunya Universiti di Malaysia yang berada dalam kelompok akhir bagi dua kategori yang diperlombakan iaitu Teaching and Learning Strategy of the Year dan Leadership and Management Team of the Year.

Secara keseluruhannya, lebih 60 finalis telah disenarai pendek dalam edisi ketiga THE Awards Asia kali ini.

Buat kali Dalam satu kenyataan, ketiga berturut-turut sejak pihak THE menyebut para 2019, UNIMAS sekali lagi berjaya tercalon ke pentas akhir THE Awards Asia 2021.

Sebanyak 10 kategori diperlombakan antaranya Excellence and Innovation in the Arts; International Strategy of the Year; Student Recruitment Campaign of the Year; Technological or Digital Innovation of the Year; Workplace of the Year dan Outstanding Support for Students selain dua lagi kategori THE DataPoints.

Pentas akhir THE Awards Asia 2021 akan berlangsung pada 14-15 Disember 2021.

PKP seluruh negara : UNIMAS laksana 100% BDR

Kota Samarahan : Selaras perisytiharan PKP seluruh negara berkuatkuasa 1-14 Jun 2021, pengoperasian pejabat di UNIMAS turut dikemaskini berdasarkan SOP yang berkuatkuasa.

Hebahan Bil.20/2021 oleh Naib Canselor menyatakan pelaksanaan 100% bekerja dari rumah (BDR) kecuali perkhidmatan barisan hadapan.

Semua staf tidak dibenarkan hadir ke pejabat kecuali untuk perkhidmatan perlu yang diluluskan oleh Naib Canselor.

Dalam pada itu, semua staf SQRC turut melaksanakan BDR sebagaimana diarahkan. Pengarah SQRC turut berharap semua staf dapat mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan dalam memerangi Covid-19.



UKM anjur Perkongsian Ilmu Pembangunan Analitik Data

Kota Samarahan : Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan sesi perkongsian ilmu berkenaan Pelaksanaan Pembangunan Analitik Data di IPTA : Cabaran dan Penyelesaian pada 20 Mei 2021.



UNIMAS melalui SQRC telah turut serta dalam sesi tersebut yang disampaikan oleh Pn Seri Manja Abdul Wahab, Ketua Pusat Analitik Bisnes dan Data, PTM UKM. Sesi ini dianggap satu peluang bermanfaat memandangkan UNIMAS pada masa ini turut sama dalam pelaksanaan pembangunan analitik data.



Analitik data merujuk kepada proses memeriksa set data untuk membuat kesimpulan mengenai maklumat yang terdapat di dalamnya.



Konsultasi Pengurusan Risiko Bersama UBS

Kota Samarahan : Unit Pengurusan Risiko, SQRC dari semasa ke semasa mengadakan sesi konsultasi pengurusan risiko kepada PTj yang memerlukan atas permintaan.

Konsultasi dalam memperhalusi dokumen risiko ini diharap memberi pendedahan secara khusus kepada Pengurus Risiko PTj berhubung Daftar Risiko dan Daftar Peluang.

The diagram illustrates the UNIMAS Risk Management Framework with three main categories: KATEGORI KUWANGAN (Information & Data Security), KATEGORI MANUSIA (Knowledge & Skillset, Stakeholder & Partnership, Integrity), and KATEGORI OPERASI (Control Environment, Monitoring & Evaluation). Below these are KATEGORI STRATEGIK (Strategic Focus Areas) represented by icons of a hand, a gear, a dollar sign, and a magnifying glass. To the right is a screenshot of a video conference with multiple participants from various locations.

Terbaru, walaupun dengan kekangan bekerja dari rumah (BDR), sesi bersama UNIMAS Business School (UBS) telah berjaya diadakan pada 3 Jun 2021 secara atas talian.

Hadir mengikuti sesi ini ialah CEO UBS, Prof Madya Dr Puah Chin Hong dan beberapa stafnya. SQRC diwakili Pn Dayang Zuliana, Pen. Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Risiko.

Mesyuarat JK ISMS Bil.02/2021


Kota Samarahan : Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Bil.02/2021 telah diadakan pada 24 Mei 2021 yang lalu.

Berikut keadaan yang masih belum mengizinkan, ahli-ahli mesyuarat telah bersidang secara atas talian menerusi platform MS Team.

Mesyuarat dipengerusikan



Selamat Ulang Tahun





Kalendar Aktiviti



Mei 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Bengkel Pengemaskinian Dokumen ISMS	JK ISMS	4-5/5/2021
2	Pelaporan Status ANC & Sumbangsanar M Dekan	PTj	18/5/2021
3	Pelaporan Status KPI ke SPeeD	KPI Owner	21/5/2021
4	Penghantaran Data MyMOHES	Modul Pelajar COD 30.4.2021	21/5/2021
5	Pelaksanaan Pembangunan Analitik Data di IPTA	Sesi Perkongsian oleh UKM	20/5/2021
6	Mesyuarat JSKU	Bil.02/2021 Ke-21 (DITUNDA)	25/5/2021
7	Laporan Berkala Pengurusan Risiko PTj	Penghantaran Laporan oleh PTj	28/5/2021

Jun 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat Daftar Risiko	Jemputan UBS @ ZOOM	3/6/2021
2	Sesi Perkongsian Ilmu / Temubual Pelaksanaan Pembangunan Analitik Data	Sesi Perkongsian oleh UTM @ virtual	14/6/2021
3	ISO 9001:2015 Understanding Risk and Opportunities	Bengkel Bersama SIRIM STS @ virtual	17/6/2021
4	THE Young Universities Summit 2021	virtual	22-23/06/2021